

AMALAN PENYELIDIKAN DI KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SABAH



Vincent Pang
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

September 2000



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

AMALAN PENYELIDIKAN DI KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SABAH^{1, 2}

Vincent Pang
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Kajian ini bertujuan meninjau sejauh mana penyelidikan dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di negeri Sabah dan apakah kekangan-kekangan yang menyebabkan sebahagian daripada mereka yang tidak mengendalikan penyelidikan. Selain dari mendapat kesimpulan tentang status amalan penyelidikan di negeri Sabah, tinjauan ini mengenal pasti masalah-masalah yang menyebabkan kurangnya aktiviti penyelidikan.

Kajian ini telah melibatkan 814 orang guru sekolah-sekolah menengah di seluruh negeri Sabah. Hasil kajian ini mendapati bahawa amalan penyelidikan di kalangan guru sekolah menengah di negeri Sabah masih rendah, iaitu hanya 34.4% daripada responden pernah menjalankan penyelidikan, dan situasi atau faktor yang mendorong mereka menjalankan penyelidikan adalah atas permintaan atau arahan.

Didapati hanya terdapat kurang daripada 5% responden yang pernah menjalankan penyelidikan atas minat sendiri. Hasil kajian juga mendapati bahawa sebenarnya kebanyakan guru adalah berminat terhadap penyelidikan dan mereka sedia berubah dari tugas biasa. Mereka juga sedar kegunaan refleksi dalam tugas pengajaran, kepentingan penyelidikan, kepentingan mendokumentasikan pengalaman dan tugas mengajar adalah melibatkan penyelidikan. Tetapi amalan penyelidikan di kalangan guru adalah rendah kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup dalam penyelidikan, tidak mendapat insentif untuk menjalankan penyelidikan, kekurangan sumber masa, kewangan dan rujukan, serta tidak terdapat sokongan seperti forum, 'net-working' dan terbitan.

¹Dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) 2000 pada 4 Mei 2000 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu.

²Penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah atas geran penyelidikan (bil.39/98).